

Isnin, 12 Ogos 2019 | 10:32am



MENTERI Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail menyerahkan daging kepada penerima pada Majlis Qurban Perdana Dewan Undangan Negeri (DUN) Pantai Jerejak yang diadakan di Surau Bandar Bayan Baru, hari ini. - Foto Danial Saad

## KPDNHEP puas hati proses pelaksanaan subsidi petrol bersasar

Oleh Siti Sofia Md Nasir  
siti.sofia@bh.com.my

GEORGETOWN: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) berpuas hati terhadap proses penyediaan kertas kerja bagi pelaksanaan subsidi petrol secara bersasar.

Menterinya, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, berkata ketika ini penyediaan kertas kerja itu berada di peringkat akhir dengan ia dijangka akan dibentangkan kepada Jemaah Menteri dalam tempoh terdekat.

"Dalam proses akhir ini, kita sedang membangunkan kriteria kumpulan sasar yang disemak melalui data Bantuan Sara Hidup, data Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), selain turut merujuk Bank Negara.

"Selepas ia selesai, kertas kerja itu akan dibentangkan, dan jika tiada pindaan, keputusan akan terus diumumkan kepada awam.

"Setakat kerja-kerja awal ini saya sangat berpuas hati, cuma garis masa yang ditetapkan lari sikit, di mana ia sepatutnya siap pada suku kedua tahun ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada Majlis Qurban Perdana Dewan Undangan Negeri (DUN) Pantai Jerejak yang diadakan di Surau Bandar Bayan Baru di sini, hari ini.

Sebelum ini, subsidi petrol bersasar adalah antara langkah yang digariskan dalam Belanjawan 2019 untuk mengurangkan kos sara hidup bagi isi rumah B40 yang menerima pendapatan bulanan di bawah RM3,860.

Sementara itu, Saifuddin yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerejak berkata, pihaknya kini sedang mengumpul maklumat daripada pihak berkaitan untuk membantu mangsa terjejas akibat ribut susulan Taufan Lekima.

"Kita masih kumpulkan maklumat untuk kenalpasti mangsa, selepas itu kita akan uruskan menerusi program bantuan sama ada di peringkat daerah, peruntukan ADUN, atau sebagainya," katanya.

BH semalam melaporkan, lebih 500 kediaman di Pulau Pinang terjejas akibat ribut yang turut melanda semua negeri di utara Semenanjung.

